

**Kemelut Teoh Beng Hock: MCA tolak tuah
Malaysiakini.com
November 01, 2010**

Kemunculan tidak diduga kumpulan yang menamakan diri mereka sebagai "Malaysians for Beng Hock" di Galas dikatakan menjejaskan peluang BN bagi memenangi pilihan raya kecil di situ, khususnya dalam mendapatkan undi masyarakat Cina yang dijangka sebagai faktor penentu.

Seorang ahli NGO itu, Soh Cher Hai, yang juga abang ipar mendiang Teoh Beng Hock didakwa ditolak oleh seorang anggota MCA pada Sabtu malam lalu apabila kumpulan berkenaan cuba berjumpa dengan ahli jawatankuasa MCA pusat, Senator Heng Saie Kie apabila beliau sedang meninggalkan sebuah majlis di kawasan itu.

Heng, yang juga timbalan menteri, wanita, keluarga dan pembangunan masyarakat telah menafikan Soh dikasari ketika cuba menghampirinya, sebaliknya mendakwa peristiwa itu sebagai 'kemalangan'.

Namun penjelasannya itu telah menimbulkan kemarahan di kalangan masyarakat Cina tempatan.

Ia bertambah buruk, apabila pemimpin DAP pula membekalkan gambar bagi membuktikan bahawa anggota MCA yang sebaliknya menuju ke arah Soh secara agresif dan menolaknya sehingga jatuh.

Menurut ketua pemuda DAP, Antony Loke, gambar yang dirakam dengan jelas menafikan dakwaan Heng bahawa laluan dihalang oleh Soh dan rakan-rakannya.

"Terdapat banyak ruang untuk Heng bergerak. Bagaimana dia boleh tuduh Soh menghalangnya. Sebenarnya, ahli MCA yang menolak jatuh Soh secara agresif," kata Loke.

Menurut ahli parlimen Rasah itu, MCA sepatutnya bertanggungjawab dan membuat permohonan maaf secara terbuka kepada Soh dan bukannya menafikan hakikat sebenar.

Beliau berkata jika MCA terus tidak mahu mengakui perkara yang sebenarnya, parti itu akan dihukum oleh pengundi pada hari pengundian.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/147058>